

Malaysia Antara Negara Terunggul Dalam Perniagaan Minyak Dan Gas
Bernama
25 September, 2012

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Malaysia telah disebut sebagai satu daripada negara terunggul yang menjadi tonggak pertumbuhan utama dalam perniagaan minyak dan gas, kata Lloyd's Register.

Persatuan klasifikasi maritim antarabangsa dan pertubuhan pengurusan risiko bebas itu akan berkongsi penglibatan syarikat itu dalam penggabungan dan pengambilalihan untuk mempercepat pertumbuhan perniagaan di seluruh rantau Asia Pasifik dan khususnya, Singapura dan Semenanjung Malaysia.

"Asia mengalami tempoh melambung kerana permintaan bagi tenaga meningkat, sekali gus mencetuskan lebih banyak kegiatan luar pantai dan pengeluaran, manakala Pameran dan Persidangan Industri Minyak dan Gas Antarabangsa (OSEA 2012) di rantau Asia Pasifik merupakan platform yang relevan kerana ia menghimpunkan peserta industri utama dan peneraju pemikiran dari seluruh dunia di bawah satu bumbung," kata Naib Presiden Kanan (Pembangunan Perniagaan) Technip Geoproduction, Syed Feizal Syed Mohammad, dalam satu kenyataan.

Kira-kira 15 syarikat Malaysia akan mempamerkan produk dan perkhidmatan masing-masing pada acara empat hari bermula 27 Nov itu.

Antara syarikat Malaysia ialah Borri Asia Pacific Engineering Sdn Bhd, CSE Logistics, Hisakaworks SEA Sdn Bhd, Intralink Techno Sdn Bhd dan Kiswire Sdn Bhd.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697285>